

Pertahanan sistem sedia ada: Khairy

BH-16/6/2007

SISTEM politik dan ekonomi yang ditinggalkan Allahyarham Tun Razak adalah pilihan terbaik untuk negara, kata Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin.

Beliau yang juga Pengerusi Akademi Pemuda, berkata malangnya pada hari ini perkara itu seakan-akan dipertikaikan, malah ada sesetengah pihak beranggapan matlamat untuk mencapai pegangan seimbang dalam pembangunan adalah idea lapuk yang tidak relevan dalam era globalisasi.

Katanya, pada mereka, Dasar Ekonomi Baru (DEB) harus ditolak kerana menghalang negara daripada terus membangun.

"Hari ini ada kelompok masyarakat sudah terlalu bijak dengan beranggapan konsep Barisan Nasional (BN) sudah tidak relevan kerana ia gabungan parti politik berasaskan kaum.

"Kerana anasir inilah, penting bagi generasi muda hari ini mempertahankan asas kekukuhan nasional yang membawa kejayaan negara selama ini," katanya berucap pada Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara, semalam.

Khairy berkata, generasi muda bertanggungjawab mempertahankan sistem sedia ada yang diwariskan Tun Razak kerana sistem itulah yang membawa Malaysia pada kedudukannya hari ini.

"Pemuda Umno dan BN tidak gentar untuk sentiasa berada di barisan depan bagi mempertahankan legasi ini, demi masa depan bangsa dan negara, demi masa depan kita bersama," katanya.

Khairy berkata, negara bertuah kerana dikurniakan pemimpin yang tepat pada zamannya seperti Datuk Onn Jaafar untuk menentang Malayan Union, Almarhum Tunku Abdul Rahman yang berfikiran strategik hingga berjaya mencapai kemerdekaan dan Allahyarham Tun Razak pemimpin pragmatik dan bijaksana hingga berjaya menyatukan negara yang hampir musnah.